





ARKIB NEGARA MALAYSIA

Rekod Asas Akauntabiliti dan Integriti



Koleksi Surat-menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah 1882-1943 telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai salah satu Warisan Agung Dunia pada tahun 2000. Koleksi ini telah membuktikan Pentadbiran Kesultanan Melayu Kedah pada awal abad ke-19 meliputi pelbagai aspek termasuk ekonomi, perundangan, pentadbiran, politik, perhubungan antarabangsa dan keselamatan



“Melayari Zaman, Memacu Ke Hadapan”



ARKIB NEGARA MALAYSIA

Diskripsi Pameran

Pameran ini memaparkan sejarah Perkhidmatan Awam di Negara ini bermula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Perkhidmtan Awam di negara ini telah melalui pelbagai perubahan di zaman Kolonial lalu berkembang dan berfungsi sebagai jentera Kerajaan yang penting dan berwibawa dalam pembangunan negara sejak tercapainya kemerdekaan pada tahun 1957 hingga kini. Secara umumnya pengurusan rekod adalah tanggungjawab bersama oleh semua jabatan ataupun agensi Kerajaan. Di samping itu, ia juga akan dapat memastikan rekod-rekod yang bernilai terpelihara untuk dijadikan sebagai bahan bukti di masa akan datang. Ia merangkumi koleksi surat menyurat, fail, gambar bersejarah, perjanjian, akhbar, terbitan, plan dan bahan-bahan pandang dengar dan pameran ini mengandungi **40 poster**. Pameran ini dipamerkan semasa Konvensyen Pengurusan Rekod di PICC, Putrajaya 5 hingga 6 November 2007.

Maklumat lanjut

Sila hubungi Seksyen Pameran Dan Arkib Pendidikan

Di talian : 03-26947277 ext : 230



"Melayari Zaman, Memacu Ke Hadapan"